

18 NOV 1999

Mahathir-Jomo

JOMO PATUT LETAK JAWATAN, KATA PM

PUTRAJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Pensyarah Universiti Malaya Prof Dr Jomo Kwame Sundaram yang memohon mahkamah mengisytiharkan bahawa pilihan raya umum 29 Nov ini tidak boleh diteruskan harus meletakkan jawatannya sebagai pegawai kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata usaha menghentikan pilihan raya adalah "tidak bertanggungjawab" terutama oleh seseorang yang sebelum ini tidak pernah mengundi.

Dr Jomo semalam memfailkan permohonan untuk mengisytiharkan bahawa pilihan raya umum tidak boleh diteruskan tanpa kemasukan 680,000 pemilih, termasuk beliau, yang berdaftar pada April dan Mei lalu.

Ketika bercakap pada pertemuan dengan para editor tempatan di pejabatnya di sini, Dr Mahathir berkata proses pendaftaran pemilih bukan perkara baru dan perlu melalui peraturan-peraturan tertentu.

Ini termasuk perlunya daftar pemilih disemak bagi memastikan tiada pengundi "hantu," pemilih yang telah meninggal dunia dan yang telah dipindahkan ke kawasan lain tanpa pengetahuan mereka.

Ditanya mengenai kedudukan Dr Jomo yang merupakan kakitangan kerajaan tetapi telah mengambil tindakan mahkamah itu, Perdana Menteri menjawab: "Dia kena berhenti kalau nak jadi ahli politik".

Katanya beliau sendiri pada suatu masa dahulu juga meletakkan jawatan sebagai pegawai perubatan kerana mahu bergiat dalam politik.

"Kita sebagai pegawai kerajaan terpaksa patuh kepada Peraturan Am (G.O.) yang tak bagi pegawai kerajaan libatkan secara aktif dalam politik," katanya.

-- BERNAMA

AU NMO